
Kesan Pelaksanaan Model ik-PBM Terhadap Pemikiran Kritis Pelajar Bagi Kursus Pengajian Islam Di Salah Sebuah Politeknik Malaysia.

Dr Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff¹, Wan Norina Wan Hamat², Norhaslina Sulaiman³

^{1,2,3} Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak.
E-mail: wnorina@polycc.edu.my

Abstract

Strategi dan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran sangat penting untuk membantu pelajar menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21, sejajar dengan usaha transformasi pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk menilai kesan pelaksanaan model ik-PBM bagi kursus Pengajian Islam terhadap pemikiran kritis pelajar. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi-eksperimen, melibatkan ujian pra dan pasca terhadap kumpulan rawatan dan kawalan yang terdiri daripada 64 orang pelajar disalah sebuah politeknik Malaysia. Instrumen yang digunakan ialah *Malaysian Critical Thinking Skill Instrument-MyCT*, yang telah diuji kesahihan dan kebolehpercayaannya menggunakan Model *Rasch*. Analisis data dilakukan menggunakan statistik deskriptif seperti skor min dan sisihan piawai, serta ujian-t sampel bersandar dan tidak bersandar dengan perisian IBM SPSS versi 27. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara kumpulan rawatan dan kawalan, dengan nilai $p < .000$ ($p < .05$). Nilai kesan saiz kumpulan rawatan terhadap ujian kemahiran kritis mencapai tahap tinggi ($\eta^2 = 0.29$). Kesimpulannya, dapatan ini menunjukkan bahawa model ik-PBM dapat meningkatkan tahap pemikiran kritis pelajar. Implikasi kajian ini diharapkan pembangunan model ini menjadi pendekatan alternatif kepada pendidik dalam menambahbaik strategi pengajaran mereka.

Kata Kunci: Pembelajaran Berasaskan Masalah, Model ik-PBM, Pemikiran Kritis

The strategies and approaches in teaching and learning are crucial to help students master the skills needed in the 21st century, in line with educational transformation efforts. This study aims to evaluate the impact of implementing the ik-PBM model for Islamic Studies courses on students' critical thinking. The study employs a quantitative approach with a quasi-experimental design, involving pre- and post-tests on treatment and control groups consisting of 64 students at a Malaysian polytechnic. The instrument used is the Malaysian Critical Thinking Skill Instrument-MyCT, which has been validated for reliability and validity using the Rasch Model. Data analysis is performed using descriptive statistics such as mean scores and standard deviations, as well as dependent and independent t-tests with IBM SPSS software version 27. The results show a significant difference between the treatment and control groups, with a p-value of .000 ($p < .05$). The effect size value for the treatment group on the critical thinking skills test reached a high level ($\eta^2 = 0.29$). In conclusion, the findings indicate that the ik-PBM model can enhance students' critical thinking levels. The implications of this study suggest that the development of this model could serve as an alternative approach for educators to improve their teaching strategies.

Keywords: *Problem-Based Learning, ik-PBM Model, Critical Thinking*
